



# **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD**  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

## **SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN PENGGUNAAN JENTERA  
SKYLIFT TERKINI BAGI PENYELENGGARAAN  
LANDSKAP DAN PENGURUSAN BENCANA SEBERANG  
PERAI**

## **OLEH**

**YANG BERTHORMAT TUAN JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL  
SINGH**

**AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG  
MERANGKAP  
PENGERUSI JAWATANKUASA PERUMAHAN, KERAJAAN TEMPATAN  
DAN PERANCANGAN BANDAR & DESA**

## **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**02 APRIL 2023 (AHAD)  
9.30 PAGI**

**LOBI MENARA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa, Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa

**Yang Dihormati WHIP Parti**

**Encik David Marshel a/l Pakianathan**

**Encik Ahmad Rizal bin Abd Hamid**

**Encik Ahmad Tarmizi Bin Jusoh**

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid**

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Warga Kerja**

**Majlis Bandaraya Seberang Perai**

**Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita dapat bersama-sama berkumpul pada pagi yang berbahagia ini di **Majlis Perasmian Penggunaan Jentera *Skylift* Bagi Penyelenggaraan Landskap Dan Pengurusan Bencana Seberang Perai.**
  
2. Izinkan saya untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang, merangkap Pengerusi Jawatankuasa, Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa kerana sudi melapangkan masa hadir dan seterusnya merasmikan **Majlis Perasmian Penggunaan Jentera *Skylift* Bagi Penyelenggaraan Landskap Dan Pengurusan Bencana Seberang Perai** pada pagi yang berbahagia ini.

3. Seajar dengan Visi Majlis Bandaraya Seberang Perai, “**Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi**”, MBSP sentiasa giat berusaha untuk menyediakan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti Seberang Perai.
4. MBSP sebelum ini telah mempunyai lapan (8) unit jentera *skylift* bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pokok serta bencana di Seberang Perai yang meliputi kawasan seluas 751km<sup>2</sup>.
5. Selain itu, jentera *skylift* juga digunakan dalam operasi membuang sarang burung gagak, menanggalkan papan tanda yang tidak diluluskan, pemasangan bendera sempena bulan Kemerdekaan, operasi penguatkuasaan dan lain-lain tugas yang diarahkan.
6. Jabatan MBSP yang telah diberikan tanggungjawab bagi mengendalikan jentera *skylift* adalah Jabatan Landskap dan Jabatan Pengurusan Krisis.

7. Tahun ini, MBSP telah membeli enam (6) unit jentera *skylift* baru yang merupakan antara keluaran terawal bagi unit pemasangan tempatan untuk *skylift* berjenama Tadano yang dipasangkan di lori Hino. *Skylift* ini mampu mencapai ketinggian sehingga 22 meter. Lima daripada jentera ini diserahkan kepada Jabatan Landskap, manakala satu (1) lagi diserahkan kepada Jabatan Pengurusan Krisis.
8. Pembelian jentera *skylift* ini adalah tepat pada masanya memandangkan cabaran dan keperluan penggunaan jentera *skylift* yang meningkat terutamanya dalam melancarkan kerja-kerja penyelenggaraan pokok, pemangkasan ranting-ranting pokok, operasi penguatkuasaan dan kerja-kerja pembersihan ketika dan selepas bencana (ancaman ribut petir dan banjir).
9. Jentera *skylift* yang baru ini dilengkapi dengan aspek keselamatan yang canggih, iaitu sistem anti-collision, yang memudahkan kendalian jentera berkenaa.
10. MBSP akan terus berusaha dalam meningkatkan imej Bandaraya Seberang Perai dengan meningkatkan lagi keyakinan dalam pengoperasian pengendalian jentera *skylift* bagi menangani isu utama

yang berkaitan dengan penyelenggaraan pokok dan bencana pokok tumbang (ranting patah) di seluruh Seberang Perai.

11. Selain itu, dengan pensijilan ISO 45001 (OSHMS) Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang telah MBSP perolehi sejak tahun 2013, saya berharap agar tatacara pengendalian *skylift* dan keselamatan pekerja diambil perhatian yang sewajarnya.
  
12. Sebelum mengakhiri ucapan saya pada pagi yang bermakna ini, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan saya kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh dan semua yang hadir pada hari ini ke **Majlis Perasmian Penggunaan Jentera *Skylift* Bagi Penyelenggaraan Landskap Dan Pengurusan Bencana Seberang Perai.**

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***